

02/02/2002

Pemuda MIC lapor pengedaran VCD Zoolander

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemuda MIC Bahagian Bukit Bintang hari ini membuat laporan polis berhubung pengedaran cakera padat video (VCD) Zoolander lakonan Ben Stiller, yang memburukkan imej pemimpin dan negara ini.

Filem itu sudah diharamkan di negara ini, tetapi VCD berkenaan yang dipercayai dicetak rompak, didakwa dijual secara terbuka.

Setiausaha Pemuda MIC bahagian berkenaan, RRM Prabu, yang ditemui pemberita selepas membuat aduan di Ibu Pejabat Polis Brickfields di sini, berkata pihaknya juga akan mengambil tindakan terhadap penerbit Zoolander.

"Selain itu, kami meminta polis mengambil tindakan terhadap penjual VCD berkenaan yang turut bersubahat menjualnya kepada orang awam," katanya.

Beliau berkata, salinan VCD Zoolander itu juga akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden MIC, Datuk S Samy Vellu.

"Cerita itu sudah diharamkan di sini, tetapi ia terus dijual secara terbuka oleh penjual VCD haram yang tidak memikirkan baik buruk tindakan mereka itu," katanya.

Zoolander mengisahkan seorang model terkenal yang dilakonkan Ben Stiller, diupah sebuah agensi rahsia untuk melakukan beberapa misi berbahaya.

Prabu berkata, filem komedi itu mula dijual secara haram kira-kira sebulan lalu.

"Penjual VCD tempatan dinasihatkan supaya lebih berhati-hati ketika memilih cerita yang hendak dijual kerana ada cerita yang boleh merosakkan imej negara serta mempunyai fahaman negatif," katanya.

(END)